

50 pelajar UMS sertai Kursus Instruktor Gim

UB 16·5·2013 85

KOTA KINABALU: Kursus Instruktor Gim Tahap 1 telah diadakan di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini dengan penyertaan seramai 50 pelajar Program Sains Sukan.

Kursus itu telah dikendalikan oleh Fiji Low Wei Hoong, seorang jurulatih bertauliah daripada Ace American Council on Exercise dengan dibantu oleh Mohammad Faizal Apdal dan Mohd Fakhri Omar.

Menurut Fiji, kursus pengendalian mengenai instruktor gim bukan sahaja sebagai pemudah cara kepada pelanggan yang ingin mengikuti latihan gim.

"Malah ia juga memberi perkhidmatan nasihat dari segi penggunaan alatan gim, kecergasan fizikal dan mengekalkan gaya bentuk tubuh yang ideal," katanya ketika menyampaikan taklimat kursus kepada para peserta.

Sementara itu, Ketua Projek, Dr Mohamad Nizam Nazarudin berkata idea penganjuran kursus terhasil apabila kajian mendapati terdapat permintaan yang tinggi terhadap perkhidmatan jurulatih kecergasan peribadi serta pembukaan pusat-pusat kecergasan yang mendadak pada masa kini.

Sehubungan itu katanya, Kursus TC30003 di bawah kendalian Pathmanathan K Suppiah itu dilihat mampu memberi peluang kepada pelajar sains sukan mengetahui penggunaan alatan gim dengan cara yang betul dan seterusnya mampu mengaplikasi pengetahuan itu dalam bidang sukan kelak.

"Saya berharap kursus gim ini akan terus dijalankan secara berperingkat untuk memberi kesinambungan dan peningkatan kemahiran individu terutamanya kepada pelajar sains sukan yang bakal menjadi jurulatih selepas tamat pengajian nanti," katanya.